

# Demokrasi: PM cabar Pas jelas pendirian

10 SEP 2011

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenakan cabaran tambahan kepada Pas agar menjelaskan sama ada parti itu akan mengamalkan sistem demokrasi jika mereka berkuasa.

Perdana Menteri berkata, parti itu perlu berbuat demikian selain menjelaskan mengenai bentuk negara Islam ala Pas memandangkan terdapat kumpulan militan di negara ini yang beranggapan sistem demokrasi sebagai tidak Islamik dan tidak perlu diamalkan.

“Kita hendak tahu Pas nak buat negara Islam macam mana; Datuk Fadzil Noor (Presiden Pas) boleh jawab sebab kita suruh dia tulis terang-terang, nah, inilah dia negara Islam.

“Dan baru-baru ini saya sebut puak militan meng-

anggap demokrasi sebagai tidak Islam, jadi kita nak tahu Pas mahu amalkan demokrasi atau tidak dalam negara Islam dia - tolong tulis dan jelaskan terang-terang,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan Kali Ke-30 di sini hari ini.

Dr. Mahathir sebelum ini mencabar Pas agar menjelaskan kepada rakyat bentuk negara Islam yang akan didirikan oleh mereka jika parti pembangkang itu berkuasa.

Pas yang menyatakan hanya akan menjelaskannya setelah berkuasa seterusnya mencabar UMNO pula agar mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan Perdana Men-

teri menjawabnya dengan membuat pengisytiharan tersebut hari ini.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan, Malaysia akan kekal sebagai sebuah negara demokrasi dan rakyat berbilang kaum yang sudah matang berhak menentukan siapa yang akan memerintah negara ini.

Rakyat, katanya, akan menjadi mangsa sekiranya mereka tidak membuat pilihan bijak dengan menolak kerajaan yang baik dan memilih parti yang tidak dapat mentadbir dengan cekap semata-mata kerana marah terhadap sesuatu perkara.

“Lebih buruk lagi jika mereka memilih parti yang disokong oleh kumpulan militan yang berpendapat demokrasi bukan sistem Islam dan mereka akan dirikan kerajaan dengan sekumpul-

an orang yang mendakwa ulama bagi memutuskan semua dasar dan undang-undang.

“Di sini saya memperingatkan DAP supaya jangan main dengan api (kerana kawan mereka kurang percaya kepada demokrasi dan *Democratic Action* dalam DAP akan hapus jika kawan

mereka memerintah,” kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, DAP menarik diri dari pakatan pembangkang kerana sedar rancangan Pas untuk menipu mereka dan juga rakyat tidak harus percaya kepada Pas kerana parti itu sering menipu.

Mengenai saranan supra-

ya UMNO mengetuai usaha mewujudkan parti pelbagai kaum yang berjaya di negara ini, Perdana Menteri berkata, UMNO telah melakukan langkah awal tetapi ia adalah satu proses yang lambat.

“Dalam UMNO kita sudah ada orang Thai, Kristian dan Cina (tetapi) jika

kita mahu menjadi ketua, kita harus mengetuai dan ada orang yang mengikut kita.

“Jika kita mendahului orang terlalu cepat, kita lihat ke belakang dan mungkin tidak ada sesiapa pun yang mengikut kita (kerana) tidak mudah untuk rakyat melupakan bangsa asal mereka,” katanya.